

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 12 RABU 22HB. MACH 1972 1392 رايو 6 صفر PERCHUMA



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Seri Utama Awang Isa ketika menyampaikan
ucapan.

Rakyat di-seru supaya menjalankan usaha sendiri

BERAKAS. — Rakyat Brunei, khas-nya yang terdiri dari orang2 Melayu telah di-seru supaya sama2 memikirkan kemungkinan timbul-nya pengangguran yang besar di-negeri ini jika mereka tidak mengubah sikap dari sekarang.

Golongan2 pendidik dan ibu bapa2 ada-lah di-yakini dapat membantu mengalehkan fikiran anak2 muda yang ada sekarang, khas-nya yang masih duduk di-bangku2 sekolah dari mengharap2kan makan gaji sama ada dengan Kerajaan atau sharikat2 kepada membuat perusahaan2 sendiri.

Masalah ini telah di-timbulkan oleh Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Dato Paduka Awang Salleh bin Haji Masri dalam ucapan-nya merasmikan meshuarat Agong PERANGKAB, Berakas dalam minggu lepas.

Beliau berkata bahawa dari semangat belia2 yang ada sekarang telah tidak ada menunjukkan semangat untuk berusaha sendiri, bahkan 99% daripada-nya hanya memusatkan perhatian untuk makan

gaji sama ada dengan kerajaan atau pun sharikat2.

Ini-lah satu gejala yang mungkin menimbulkan satu keadaan pengangguran yang besar jika amalan ini masih berterusan sedangkan penampungan pekerjaan itu semakin hari semakin terhad.

Beliau meramalkan bahawa jika sikap itu masih tidak berubah, maka satu keadaan yang terdesak akan timbul nanti yang memaksa belia2 itu terpaksa memegang changkul, berladang, berternak apabila masa-nya sudah sampai.

(Lihat muka 8)

Lantekan Pegawai Tanah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar, Pegawai Pentadbir Brunei Tingkat I telah di-lantek menjadi sa-orang Pegawai Tanah bagi Negeri Brunei.

Lantekan itu ada-lah bagi maksud2 Undang2 Tanah dengan mempunyai kuasa dan kewajipan2 sa-orang Pegawai Tanah di-bawah Undang2 Pengambilan Bolek Tanah.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memperkenan lantekan itu mulai dari 3 Oktober tahun lepas.

"Inspektar General" pada tahun lepas dan mengurniakan "Panji2 Diraja".

Beliau berkata: "Kornia2 dan kelebihan2 yang telah diberikan kepada pasokan ini ada-lah menandakan kasih sayang serta keperchayaan Duli Yang Maha Mulia kepada semua anggota2 dan pasokan ini yang telah menunaikan tugas dan kewajipan mereka dengan chemerlang".

Beliau menyeru kepada semua pegawai dan anggota2 Pulis Diraja Brunei supaya meneruskan usaha gemilang yang sudah di-akui dan di-iktiraf itu dan terus memperbaikinya semata2 untuk mengekalkan kedaulatan Darus Salam kita ini.

Beliau yakin bahawa pehak2

Anggota2 pulis di-seru bersikap tegas pada menegakkan Undang2 Negeri

JALAN MUARA. — Anggota2 pulis di-negeri ini telah di-seru supaya menjalankan tugas masing2 dengan jujur menurut kehendak Undang2 dan Peratoran tanpa berpilih kasih atau membezakan di-antara tinggi dengan yang rendah.

Sa-lain daripada bersikap tegas pada menegakkan Undang2 Negeri, anggota2 Pulis juga di-ingatkan supaya meninggikan nilai2 tata-tertib dalam perhubungan mereka dengan orang ramai dan tabah pada menghadapi sa-barang kesulitan.

Seruan itu telah di-buat oleh Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Utama Awang Isa, dalam ucapan beliau di-upacara tamat lathen rekrut2 pasokan Pulis Diraja Brunei pada hari Sabtu lepas di-Pusat Lathen Pulis, Jalan Muara.

Beliau berkata bahawa dalam tahun 1965 Pasokan Pulis Diraja Brunei telah di-kurniakan gelaran "Diraja" yang beliau perchaya telah menjadi kebanggaan di-seluruh negeri.

Kebanggaan ini lebih memunchak lagi manakala D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berkenan menerima gelaran selaku

yang berkenaan dalam pasokan itu tidak akan berdiam diri dan puas dengan apa yang sudah di-chapai.

Beliau berkata bahawa masih banyak lagi perkara2 yang boleh di-laksanakan — masih banyak lagi perkara2 yang boleh di-perbaiki dan masih banyak lagi kejayaan2 yang boleh di-chapai.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan seluruh rakyat negeri ini barang sa-tentu-nya akan terus mengharapnkan usaha yang tidak putus2 dari pasokan ini demi menjauhkan kita semua dari ancaman terhadap ketenteraman yang kita nikmati sekarang", tegas beliau.

Keadaan ini, kata beliau, akan terus membolehkan sa-tiap rakyat dan penduduk negeri ini hidup dalam keadaan damai dan bebas dari segala anasir2 yang jahat yang berlawanan dengan Undang2 dan Peratoran2 Negeri ini.

Kapada rekrut2 itu, beliau mengingatkan mereka bahawa hari tamat lathen itu ada-lah merupakan saat pengiktirafan mereka sa-bagai anggota2 pulis yang terlathen dan di-perchayai boleh memainkan peranan dalam masyarakat yang chintakan keamanan dan ketenteraman.

(Lihat Muka 8)



PENASEHAT Umum ke-bawah DYMM Al-Sultan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa telah menerima tabek dan memeriksa barisan kehormatan di-satu upacara perbarisan tamat latihan bagi rekrut2 Pulis Diraja Brunei. Upacara perbarisan itu telah di-adakan di-padang perbarisan Pusat Latihan Pulis di-Jalan Muara.

Gambar atas menunjukkan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja sedang memeriksa perbarisan sementara gambar di-sebelah kanan ketika beliau menyampaikan sijil kepada rekrut yang terbaik sa-masa menjalani latihan.



Belia2 Limbang melawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan yang mengandungi sa-ramai 30 orang termasuk 10 orang wanita akan tiba di-Brunei pada 25hb. Mach ini, kerana lawatan sa-lama sa-hari ka-negeri ini.

Rombongan yang di-ketuai oleh Awang Mohamed Salleh bin Abdul Rahman itu, akan menjadi tetamu kepada ahli2 Persatuan PERKA.

Menurut rancangan yang telah di-susun, pelawat2 itu akan di-bawa melawat ka-Tugu Peringatan Churchill, Muzium Brunei dan Jabatan

Penyiaran dan Penerangan di-Bandar Seri Begawan.

Sementara itu, satu lagi rombongan sa-ramai 11 orang ahli2 Pertubuhan Belia Kebangsaan Sabah, SANYA, dari Kota Kinabalu akan melawat ka-Brunei pada 30hb. Mach sa-lama satu minggu.

Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei dengan kerjasama Persatuan PATUH akan menjadi tuan rumah kepada rombongan itu. Rombongan SANYA itu juga akan di-bawa melawat ka-tempat2 yang menarik di-Brunei.

Pendaftaran bagi memasuki pereksa STP dan SPM di-tutup 15hb. April

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Peperiksaan sekarang mulai menerima pendaftaran chalun2 yang ingin memasuki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan aliran Inggeris dan Melayu bagi tahun ini.

Pendaftaran yang bermula pada 15hb. Mach lalu itu akan di-tutup pada 15hb. April depan.

Pengetua Sekolah, Maktab dan Penyelia darjah dewasa yang akan mengemukakan penuntut2-nya dalam peperiksaan tersebut, hendak-lah mengisikan borang masuk pereksa, yang di-sediakan oleh jabatan tersebut dan hendak-lah di-kembalikan ka-Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh penutup.

Pemangku Pegawai Peperiksaan, Awang Yahya bin Ahmad menyatakan, hanya penuntut2 yang sedang belajar dalam tingkatan lima sahaja yang di-benarkan memasuki bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan yang sedang belajar dalam tingkatan enam atas sahaja, bagi Sijil Tinggi Persekolahan.

Chalun2 persendirian yang memasuki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mesti-lah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran tahun 1970 atau terdahulu dengan mendapat pangkat "A" atau "B" atau yang pernah memasuki peperiksaan tersebut.

Bokti2 yang mereka sedang belajar atau kursus yang diakui dalam tingkatan lima hendak-lah di-tunjukkan pada masa pendaftaran.

Chalun2 yang ingin memasuki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan mesti-lah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau sekurang2-nya tiga

mata pelajaran perengkat 'O' level atau pernah memasuki peperiksaan itu.

Borang2 masuk peperiksaan boleh di-dapati di-Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Bahagian Peperiksaan, dan Penyelia Kelas2 Dewasa Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong, Seria dan Temburong.

Bayaran masuk pereksa aliran Inggeris dan Melayu ada-lah seperti berikut:

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia: Bayaran asas — \$15.00; bayaran tempatan — \$10.00; bayaran tiap2 mata pelajaran — \$6.00.

Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan: Bayaran asas — \$15.00; bayaran tempatan — \$10.00; bayaran satu mata pelajaran Principal — \$15.00; bayaran satu mata pelajaran subsidiari — \$6.00; bayaran kertas English Usage (untuk aliran Melayu) — \$6.00.

Chalun2 Penghulu Mukim Bangar

BANGAR, TEMBURONG. — Penduduk2 Mukim Bangar di-daerah Temburong telah memilih lima orang chalun, bagi jawatan Penghulu Pangkat Satu bagi kawasan Mukim Bangar di-satu perjumpaan di-Dewan Meshuarat, Pejabat Daerah Pekan Bangar pada minggu lalu.

Pemilihan itu telah di-pengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah, Awang Abu Bakar bin Haji Safar.

Penghulu baru itu akan menohi jawatan, yang di-kosongkan berikutan persaraan Penghulu Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Mohamed Daud.

GAMBAR di-bawah ia-lah rumah sa-orang janda, Dayang Saerah binte Tengah yang telah di-bena sa-chara bergotong royong oleh penduduk2 Kampong Sinaut, Jalan Tutong.

Pembinaan rumah tersebut telah di-kelolakan oleh Jabatan Kebajikan yang juga telah menderma atap zing bagi rumah tersebut.

Lain2 perkakas untuk rumah Dayang Saerah itu telah di-dermakan oleh Awang Haji Abang bin Haji Yusof, sa-orang tuan punya kilang papan di-Tutong, Awang Haji Razali bin Umar dan Awang Abdul Manan bin Muhammad.

Pembinaan rumah tersebut di-taksirkan melakan belanja kira2 \$3,000.



276 orang chalun masok pepereksaan trengkas dan menaip

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 276 orang chalun akan mengambil pepereksaan2 trengkas, menaip, ilmu menyimpan buku kira2 dan akaunting dalam aliran Melayu dan Inggeris yang akan diadakan dalam bulan Julai tahun ini.

Dua puluh enam orang chalun akan mengambil pepereksaan2 trengkas dan menaip dalam aliran Inggeris. Tujoh di-antara mereka akan mengambil pepereksaan trengkas perengkat menengah 18 menaip perengkat menengah dan sa-orang menaip perengkat tertinggi.

Sa-ramai 247 orang chalun akan mengambil pepereksaan2 trengkas dan menaip dalam aliran Melayu. Di-antara-nya 43 orang chalun akan mengambil pepereksaan trengkas perengkat menengah, 27 orang perengkat tertinggi, 180 orang bagi menaip menengah dan tujuh orang bagi menaip perengkat tertinggi.

Dua orang chalun akan mengambil pepereksaan ilmu menyimpan kira2 perengkat menengah dalam aliran Melayu dan Inggeris, dan sa-orang chalun akan mengambil pepereksaan akaunting perengkat tinggi dalam aliran Inggeris.

Pepereksaan itu di-anjarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

JUNJONGAN kita Nabi Mohammad s.a.w. di-lahirkan ka-dunia adalah untuk memimpin manusia kepada kesempurnaan budi pekerti yang utama, membenters segala macham kebiasaan perangai yang rendah dan hina sa-bagaimana sabda Baginda yang bermaksud:

"Hanya aku di-utus Tohan untuk menyempurnakan budi pekerti, yang utama ia-lah berbuat kebajikan".

Sifat ini-lah yang mendorong kita berbuat jasa, berjuang dan berkorban apa saja — baik dengan harta benda mahu pun dengan jiwa kita untuk kebahagiaan anak dan isteri, masyarakat dan bangsa kita.

Belum chukup dan sempurna kaseh kita kepada mereka yang tersebut, sa-belum kita korbakan kepentingan dan kesenangan diri kita untuk kebahagiaan bersama2.

Firman Allah dalam Suratus-saffat ayat 10 hingga 12 yang bermaksud:

"Wahai sekalian orang yang beriman! Adakah kamu suka kami tunjukkan kamu suatu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari siksa yang pedih ia-itu hendak-lah kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, berbuat kebajikan pada jalan Allah baik dengan harta benda kamu mahu pun dengan jiwa kamu. Jika kamu mengetahui, maka yang demikian itu-lah suatu kebaikan kepada kamu. Allah akan mengampuni dosa2 kamu memasokkan kamu ka-dalam shurga yang mengalir di-bawah-nya beberapa sungai dan tempat kediaman yang indah permai dalam Shorga Abadi. Itu-lah suatu kemenangan yang besar."

Daripada Abu Sa'id di-riwayatkan hadith yang berikut: yang maksud-nya:

"Di-tanya orang akan Rasulullah s.a.w: Manakah manusia yang lebeh utama?"

Maka jawab Rasulullah s.a.w. orang yang lebeh utama ia-lah orang mu'min yang ber-

BERBUAT KEBAJIKAN DALAM ISLAM MEMPUNYAI MAKSUD YANG SANGAT LUAS



KHUTBAH JUMA'AT

"Mereka mengutamakan kepentingan orang lain, meski pun mereka sendiri memerlukan kpd. bantuan"

buat kebajikan pada jalan Allah, baik dengan harta benda-nya mahu pun dengan jiwa-nya sekali pun".

"Kemudian siapa lagi?", tanya sahabat.

Sahut Rasulullah, "orang mu'min yang berada di-satu puak dari puak2 ia takutkan Allah dan menyeru manusia menjauhi daripada angkara kejahatan-nya".

Berbuat kebajikan dalam Islam ada bermacam2 dan sangat-lah luas arti-nya. Di-antara-nya ia-lah:

Satu: Kaseh kita kepada negara kita ini dengan mengambil sikap bersaudara dengan semua penduduk-nya serta merebut tiap2 peluang kemajuan tanpa menyakiti dan menyalah kehormatan orang lain.

Dua: Kita berkorban untuk orang lain, sa-bagaimana kita suka orang yang berkorban untuk kita. Dengan ada-nya s i k a p memberi dan menerima serta tunjok ajar kepada jalan kebajikan antara satu sama lain itu, maka ke-

makmoran dan kebahagiaan bersama dalam sa-buah negara tetap akan terchapai. Yang demikian itu-lah suatu rahsia kemajuan dan ketinggian umat Islam di-zaman keemasan yang lampau.

Firman Tohan yang kira2 bermaksud: "Mereka mengutamakan kepentingan orang lain meski pun mereka sendiri memerlukan kepada bantuan".

Tiga: Kita menghindarkan mana yang boleh membahayakan keselamatan kita bersama, walau pun ia-nya baik untuk kita sendiri dan kita mengerjakan yang mana mendatangkan faedah kepada kita bersama, walau pun terpaksa kita berkorban.

Oleh yang demikian, maka ada-lah di-serukan supaya seluruh raayat dan penduduk, khas-nya Umat Islam bersedia berkorban di-dalam perkara2 yang mendatangkan kebajikan dan untuk keselamatan bersama di-dalam negara kita Brunei Darussalam.

JEMAAH2 HAJI TIBA ESOK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Kassim bin Haji Ahmad telah bertolak ka-Malaysia Barat pada minggu lalu untuk menyambut ketibaan 88 orang jemaah2 haji Brunei di-Pulau Pinang.

Jemaah2 haji Brunei yang menaiki kapal laut Malaysia Raya telah tiba di-Pulau Pinang pada 19 Mach.

Dari Pulau Pinang, Awang Haji Kassim akan mengiringi jemaah2 haji itu dalam perjalanan balek ka-Brunei yang di-jadualkan tiba di-Labuan

pada 23hb. Mach esok.

Dari Labuan jemaah2 itu akan menaiki beberapa buah kapal kerajaan balek ka-Brunei pada hari itu juga.

Sa-orang juruchapak Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji menyatakan bahawa saudara mara jemaah2 haji tidak dibenarkan masuk ka-Dermaga Kastam Diraja di-Bandar Seri Begawan semasa ketibaan jemaah2 haji itu.

Sementara itu, pendaftaran bagi menunaikan fardzu haji dengan kapal laut pada tahun depan adalah di-buka sekarang.

Borang2 pendaftaran boleh di-dapati dari semua pejabat Hal Ehwal Ugama di-seluruh negeri ini. Pendaftaran akan di-tutup pada 18hb. Mei.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22hb. Mach, 1972 hingga ka-hari Selasa 28hb. Mach, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit Matahari
22hb. Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09 6-23
23hb. Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09 6-23
24hb. Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09 6-23
25hb. Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09 6-23
26hb. Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06 6-21
27hb. Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06 6-21
28hb. Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06 6-21

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(22hb. Mach, 1972)

KEMUNGKINAN PENGANGGORAN

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Dato Paduka Awang Salleh bin Haji Masri, Pesuruhjaya Kebajikan telah menyatakan kebimbangan beliau tentang kemungkinan terjadi-nya satu penganggoran yang lebih besar di-negeri ini.

Kemungkinan ini di-timbulkan beliau bilamana melihat kepada semangat beliau yang ada sekarang yang tidak menaruh minat untuk menjalankan perusahaan persendirian, melainkan hanya mengharapkan untuk makan gaji sahaja sama ada dengan Kerajaan mahu pun dengan syarikat di-negeri ini.

Tetapi, menurut beliau, minat mereka untuk bekerja itu kebanyakan-nya bertumpu kepada Kerajaan sama ada di-pejabat mahu pun di-berbagai2 pekerjaan luar yang di-kelolakan oleh Kerajaan.

Kemungkinan untuk menjadi satu kebenaran atas ramalan beliau itu, kita kira hampir sa-paroh dari kita menyetujinya, kerana sikap yang amat jelas kita lihat ia-lah sikap seperti apa yang di-bicarakan beliau itu.

Sabener-nya, masalah ini tidak-lah merupakan satu masalah yang baru bagi kita, malah ia-nya telah merunsingkan Kerajaan sendiri sejak beberapa lama yang sudah.

Tetapi, satu kenyataan yang berterus terang telah di-hadapkan beliau dengan mengajak rayat negeri ini melapangkan fikiran masing2 berhubung dengan sa-takat mana Kerajaan boleh menampung kehendak2 pekerajaannya itu.

Bicara yang berterus-terang ini merupakan satu amaran kepada orang2 yang sentiasa memikirkan untuk bekerja dengan Kerajaan itu untuk membuat langkah2 yang segera supaya tidak terlambat.

Segi logik yang di-bentangkan beliau ia-lah mengenai dengan kanak2 sekolah. Kanak2 sekolah itu tidak semua-nya mesti berkhidmat dengan kerajaan.

Satu penempelan telah dibuat beliau lagi bila beliau mengatakan yang Kerajaan itu telah melaksanakan tugas penting-nya untuk memberikan serba kemudahan pelajaran terhadap rayat negeri ini. Lepas dari pelajaran itu terpulang-lah kepada mereka untuk menadbirkan kehidupan masing2. Tidak-lah berarti yang Kerajaan menyuruh bersekolah tinggi2 itu untuk di-ambil bekerja dengan Kerajaan.

Apa yang sabener-nya dimaksudkan untuk pembekalan pelajaran itu ia-lah supaya tiap2 orang di-negeri ini menikmati penghidupan yang sempurna dengan apa usaha sekali pun, asalkan tidak menyeleweng dari Undang2 dan Peratoran Negeri.

Peluang2 bumiputera negeri ini ada-lah terbuka luas untuk menjalankan perusahaan masing2. Tetapi perusahaan itu biar-lah di-dahului sa-chara ke-chil2an dan jangan-lah terus2 melompat dengan modal yang besar. Kita belajar dari darjah satu dulu.

Hari Terbuka Pertanian mena



Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (di-tengah2) ketika mendengar penerangan Awang C.R. Brears, Pegawai Pertanian Daerah Belait mengenai dengan Steshen Pertanian Labi apabila Pegawai Daerah itu melawat ka-steshen itu pada Hari Terbuka Pertanian hari Rabu lepas.



Juruhebah Radio Brunei, Awang Ramlee bin Md. Said sedang memenu-ramah Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam yang membicarakan tentang chara2 menternak ayam yang juga telah di-tunjukkan pada Hari Terbuka di-Steshen Pertanian Lumapas pada hari itu.



Sa-bahagian dari orang ramai yang telah mengunjungai gerai haiwan untuk menyaksikan berbagai2 jenis ternakan yang di-pertunjukkan pada hari itu.

JABATAN Pertanian, dalam tujuan memberi galakan yang lebih berkesan pada peladang2 di-negeri ini, telah menkan Hari Terbuka di-tiga buah steshen pertanian pada awal hingga pertengahan Mach ini.

Hari Terbuka pertama telah di-adakan Pusat Pertanian Kilanas pada 5hb. Mach. Terbuka yang kedua berlangsung di-Steshen Pertanian Labi dalam Daerah Belait pada Mach, sementara Hari Terbuka yang di-adakan di-Steshen Pertanian di-Lumapas pada 17hb. Mach.

Kandungan Hari Terbuka itu telah menampilkan berbagai2 pertunjukan dalam bidang pengusahaan pertanian termasuk tayangan yang gambar yang membayangkan penguasaan pertanian dan peranan penting-nya terhadap sa-sabua negara.

Sharikat2 Perniagaan juga telah turut menampilkan berbagai2 perkakas pertanian yang moden yang meliputi dari jentera2 yang la-lah kepada berbagai2 jenis baja tumb.

Pertunjukan yang penuh itu di-adakan Kilanas dan separoh daripadanya di-Lab mentara di-Lumapas pertunjukan2 tidak diambil bahagian oleh sharikat2 perniagaan.

Tetapi di-Steshen Lumapas ada-lah paling ramai di-kunjongi oleh orang2 yang antara-nya terdapat penduduk2 dari Muara, Bandar Seri Begawan dan penduduk2 di-sekitar Kampong Ayer.

Sharahan2 singkat dan tanya-jawab antara pegawai2 pertanian dengan pengunjung2 hari terbuka itu merupakan satu chara2 yang menarik minat ramai sa-lain dari menyaksikan tumbuh2an yang ada di-sekitar steshen. Sharahan2 yang di-berikan ada-lah meliputi ka-bidang2 penyakit tumbuh2an dan muso-naman, pengkajian tanah, parit dan tali-jentera2 pertanian, pemeliharaan haiwan ternakan, perusahaan urusan rumah tangga juga ekonomi pertanian.

Gambar2 yang di-siarkan di-halaman ini ada-lah menunjukkan sambutan Hari Terbuka di-ketiga2 steshen tersebut.

Sa-bahagian dari baja yang di-gunakan untuk pertanian yang telah di-tunjukkan pada Hari Terbuka Pertanian di-Pusat Pertanian Kilanas pada 5hb. Mach lepas.

Sa-orang pekerja pertanian di-Steshen Pertanian Lumapas sedang memotong padi 'Bahagia' yang telah di-tanam di-hen itu sa-bagai perhubungan.



ek minat ramai



Kaum wanita sedang menyaksikan pertunjukkan urusan rumah tangga, ia-itu sa-bahagian dari pameran pada Hari Terbuka Pertanian di-Lumapas.

Alat mengirek padi seperti kelihatan di-sebelah kiri telah di-gunakan oleh pekerja2 wanita Jabatan Pertanian untuk mencheptakan kerja2 mengirek padi.

Jentera pembajak yang di-gunakan dalam perusahaan pertanian moden dalam zaman ini telah juga di-tunjukkan di-Hari Terbuka Pertanian di-Labi, Daerah Belait pada hari Rabu lepas.



Sa-lain dari berbagai2 jenis hasil tanam2an, di-tunjukkan juga beberapa jenis rachun bagi di-gunakan membunuh musuh2 tanam2an. Gambar atas menunjukkan gerai yang mempamerkan rachun2 itu ketika di-kunjongi oleh orang ramai.



Awang Ibrahim bin Yahya, pekerja di-bahagian haiwan Jabatan Pertanian menerangkan mengenai dengan kutu berbau kapada peng-unjong2 yang datang ka-gerai pertunjukkan bahagian haiwan itu.

Perlawanan sepak takraw bagi sekolah2 menengah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pendidikan Jasmani akan menganjorkan perlawanan sepak takraw bagi sekolah2 menengah, maktab2, sekolah2 Misi dan China, di-seluruh negeri ini.

Perlawanan itu ia-lah bagi merebut Perisai Kejohanan yang telah di-hadiahkan oleh Awang Suni bin Haji Idris.

Sa-takat ini jabatan tersebut telah menerima permohonan2 dari tujuh buah pasukan yang ingin menyertai perlawanan itu.

Pemohonan2 untuk menyertai perlawanan itu, maseh lagi terbuka, dan sekolah2 serta maktab2 yang ingin mengambil bahagian hendaklah menghantar borang2 permohonan mereka kepada Penyusun Pendidikan Jasmani, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan.

Tiap2 sekolah atau maktab di-benarkan menghantar hanya satu pasukan sahaja yang mengandungi empat orang pemain dan sa-orang pemain simpanan.

Perlawanannan bola sepak terbuka kpd. persatuan2 dan kelab2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesatuan Pemuda Pemuda Sungai Kedayan akan menganjorkan perlawanan bola sepak bagi merebut Piala Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir.

Perlawanan itu ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia dan kelab2 di-negeri ini dan akan di-adakan sa-chara pukul mati.

Tiap2 persatuan atau kelab ada-lah di-benarkan menghantar dua pasukan dengan hanya 16 pemain tiap2 satu termasuk pemain2 simpanan.

Bayaran masuk bagi tiap2 pasukan ia-lah \$15.00.

67 lesen di-keluarkan bagi pemborong letrik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Letrik telah mengeluarkan lesen kepada 67 buah firma sa-bagai pemborong2 bagi memasang dawai letrik, alat2 hawa dingin dan memasang kebal bagi tahun 1972.

Pechahan bagi pemborong2 itu ia-lah — 37 bagi memasang dawai letrik, 13 alat2 hawa dingin dan 17 bagi memasang kebal.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Letrik berkata, pemborong2 itu ada-lah di-bahagikan kepada tiga kelas, 'A', 'B', dan 'C' dan akan mengambil tender bagi kerja2 sa-laras dengan tingkatan mereka.

Juruchakap itu berkata, pemborong2 ada-lah dikenakan bayaran \$100.00 bagi satu lesen.

Lesen itu ada-lah sah di-pergunakan sa-lama dua belas bulan dari 1hb. Januari hingga 31hb. Disember.

KENYATAAN PEGAWAI PENGUASA WARITH

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/23/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Ahmad bin Md. Salleh, d/a No. 24, Kampong Perpindahan Jaya Setia, Berakas, Brunei, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Md. Salleh bin Karim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 25 haribulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 13 haribulan Mach, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/24/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Liew Shin Huat, No. 40, Jalan Muara, Batu 7, Kg. Sg. Hanching, Brunei, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Chong Nyuk Yin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 25 haribulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 13 haribulan Mach, 1972.

No. B/LA/25/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Cheong Keong Quee, No. 7, Kampong Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan, Brunei, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Teo Gek Kee yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 25 haribulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 13 haribulan Mach, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/26/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dyg. Maimunah bte. Rimba, d/a Kampong Batong, Limau Manis, Brunei, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Rimba bin Burong yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri ba-

hawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 25 haribulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 13 haribulan Mach, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/27/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Nudin bin Dayan, Kampong Tanah Jambu, Batu 10, Jalan Muara, Brunei, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Hamid bin Dayan yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 25 haribulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 13 haribulan Mach, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith.
Negeri Brunei.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PEGAWAI PELAWAT KESIHATAN SEKOLAH2

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan bagi jawatan Pegawai Pelawat Kesihatan Sekolah2 di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:
Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan perubatan yang boleh di-terima untuk di-daftarkan dengan General Medical Council of the United Kingdom, dan hendak-lah berumur di-bawah 45 tahun. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 kesihatan di-sekolah2. Hanya pemohon2 yang mempunyai pengalaman tersebut sahaja akan di-pertimbangkan untuk di-lantek.
Mempunyai Diploma Kesihatan

Awam atau pengalaman dalam kerja kesihatan Awam merupakan suatu kelebihan.

Tugas2:
Menjalankan tugas2 Pegawai Pelawat Kesihatan Sekolah2 di-bawah arahan Pegawai Perubatan Kesihatan serta bekerjasama dengan Pegawai Perubatan Sekolah yang menjaga sekolah2.

Menjalankan tugas2 Kesihatan Awam/Perubatan jika perlu apabila di-arahkan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan.

Gaji:
Dalam sukatan gaji B 2 EB 3 —
\$1090x50-1140x40-1300x60-1360x40-1520 x 60-1580 x 40-1740/EB/

1810x50-1960. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:
Baksis sa-banyak 12½ daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Tempoh Perkhidmatan:
Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perkhidmatan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat

D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perkhidmatan.

Chukai Pendapatan:
Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei. Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat daripada 15hb. April, 1972.

Sa-bagai Pembantu Rumah Sakit Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 lelaki yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenuhi jawatan Pembantu Rumah Sakit Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:
Pemohon2 mesti-lah sudah berumur 18 tahun. Mereka mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Form III di-Sekolah Inggeris, atau yang bersamaan.
Tingkatan Gaji:
Perchubaaan — D 1-2 — \$230x10-290x15-380.
Pembantu Rumah Sakit Terlatih — D 3-4 — \$410x20-510.

Sharat2 Lantek:
Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menjalani lantek untuk menjadi Pembantu Rumah Sakit Terlatih (dengan mendapati Sijil Jururawat Terlatih) di-Rumah Sakit Besar, Brunei. Biasa-nya kursus ini akan memakan masa 3 tahun. Sa-telah tamat lantek sa-bagai Pembantu Rumah Sakit dan sa-sudah memperolehi Sijil Jururawat Terlatih, pemohon2 akan layak di-tetapkan sa-bagai Pembantu Rumah Sakit Terlatih.

Pakaian seragam akan di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-sediakan jika perlu.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 28hb. Mach, 1972.

DI-PEJABAT DAERAH TEMBURONG

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong di-Pejabat Daerah, Temburong. Hanya orang2 yang tinggal di-Daerah Temburong dan mempunyai pengetahuan tentang daerah ini di-kehendaki memohon.

1. PENGAWAS KECIL (2 jawatan)
Kelayakan2 dan Pengalaman:
(a) Pemohon2 mesti-lah boleh menulis dan membaca dalam bahasa Melayu atau lulus Darjah IV Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
- (b) Mempunyai pengalaman menjaga dan mengawas buroh2.
- (c) Berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun.

Gaji:
Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

2. PENJAGA: ((1 jawatan)

Kelayakan2:
Pemohon2 mesti-lah berumur di-

antara 30 dan 45 tahun dan boleh menulis dan membaca.

Tugas2:
Pemohon2 yang berjaya hendaklah bersedia bertugas di-waktu malam.

Gaji:
Dalam sukatan gaji F. 1 — \$180x5-195.

3. TUKANG KEBUN: (2 jawatan)

Kelayakan2:
Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 30 tahun.

Gaji:
Dalam sukatan gaji F. 1 — \$180x5-195/EB/200x5-215.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 8hb. April, 1972.

Di-Jabatan Talikom

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Pelatih Teknik di-Jabatan Talikom, Brunei.

Kelayakan2:
(a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 16 dan 19 tahun.
(b) Mesti-lah lulus Peperiksaan Cambridge School Certificate dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab, Fisik dan Bahasa Inggeris atau pun lulus Peperiksaan G.C.E. Peringkat Biasa dalam Ilmu Hisab, Fisik dan Bahasa Inggeris.

Gaji:
Gaji permulaan sa-banyak \$290/- sa-bulan dalam sukatan gaji E 2-3 — (\$290 - 350).
Chalun2 yang berjaya akan di-

beri lantek sa-lama dua tahun dalam kejuruteraan talikom di-Brunei dan seberang laut. Sa-sudah berjaya menamatkan lantek ini chalun2 akan di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660 dengan gaji permulaan \$490.00 sa-bulan. Chalun2 yang tidak berjaya menamatkan lantek dua tahun ini akan di-benarkan terus berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai Pembantu Teknik dalam sukatan gaji D 2-3 EB 4 — \$290 x 15-380-410 x 20-510/EB/540x20-660 dengan gaji mengikut peratoran2 Kerajaan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 10hb. April, 1972.

Sa-bagai Guru Ugama Pelateh

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada murid2 Sekolah Ugama Kerajaan Brunei yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong sa-bagai Guru2 Ugama Pelateh (Perchubaaan) di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Kelayakan2:
(i) Umur di-antara 17 hingga 25 tahun.
(ii) Lulus Darjah VI Sekolah Ugama dan Sijil Rendah Pelajaran.

Pemohon2 yang berjaya mesti-lah sedia untuk bertugas di-mana2 sekolah di-dalam negeri.

Gaji:
\$200.00 sa-bulan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 9hb. April, 1972.

Sa-bagai Jururawat Gigi Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Jururawat2 Gigi Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan:
Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 28 tahun dan mereka mesti-lah bujang. Mereka mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran (L.C.E.) atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut.

Gaji:
Jururawat2 Gigi Perchubaaan — D 1-2 — \$230x10-290x15-380.
Jururawat2 Gigi Terlatih — D 3

— \$410x20-510.
Tempoh Perchubaaan:
(a) Chalun2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama 3 tahun 4 bulan sa-bagai jururawat2 gigi pelajar dan di-kehendaki menjalani lantek di-Sekolah Pergigian Persekutuan, Pulau Pinang atau lain2 pusat lantek yang tertentu. Lantek di-Pulau Pinang, Malaysia, ini akan mengambil masa sa-lama 2 tahun 4 bulan.
(b) Sa-telah menamatkan lantek di-Pulau Pinang, atau di-mana2 tempat lantek, Jururawat2 Gigi Perchubaaan akan di-kehendaki bertugas di-Klinik2 Pergigian Brunei di-bawah pengawasan Pegawai Pergigian sa-lama satu tahun.

Tugas:
Jururawat2 Gigi Perchubaaan akan di-tempatkan di-Klinik2 Gigi di-sekolah2 di-seluruh negeri. Pakaian seragam akan di-beri perchuma.

Elau:
Sa-masa menjalani lantek di-Pulau Pinang, Malaysia, atau di-mana2 tempat lantek, elau sara hidup sa-banyak \$5/- sa-hari dan elau kenderaan sa-banyak \$30/- sa-bulan serta sewa penoh tempat tinggal yang di-persetujui akan di-bayar.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada-nya, tidak lewat daripada 13hb. April, 1972.

Belia2 di-seru meninggikan imej negara

(Dari muka 1)

Oleh itu beliau menasihatkan belia2 terutama yang masih belum mempunyai pekerjaan yang tertentu supaya usaha2 yang tegas di-jalankan dalam peringkat awal ini untuk menjamin kehidupan masa depan mereka dan keluarga mereka.

Menurut beliau bahawa belia2 itu boleh mencheburkan diri mereka ka-dalam lapangan perniagaan yang bermula dengan chara ke-chil2an untuk mencapai pembesaran-nya nanti.

Orang2 Tiong-hwa, kata-nya, kebanyakan-nya mempunyai modal yang kecil, tetapi dengan ketekunan mereka, maka usaha mereka itu semakin membesar seperti yang dapat kita lihat di-negeri ini.

Menyebut mengenai seni silat pula, beliau menyatakan bahawa Jabatan Kebajikan telah menandatangani kepada Kerajaan untuk membolehkan di-adakan satu kelas khas untuk seni silat.

Sa-telah kebenaran dan peruntokan untuk projek itu di-dapat, maka kelas itu akan segera di-adakan di-Pusat Belia dengan chara kursus sa-lama enam bulan.

Bagi menayakan kelas itu nanti, maka beliau berseru kepada belia2 tanah ayer supaya mengambil bahagian dalam kelas tersebut.

Beliau berpendapat bahawa adalah mustahak bagi kita orang2 Melayu Brunei khas-nya mengusahakan pemupukan seni silat dan kuntau itu.

Kata-nya, di-negara ini, kita telah melihat betapa berkembang-nya taekwon-do, judo, karate dan boxing, tetapi silat dan kuntau yang menjadi salah satu warisan kebudayaan kita telah tidak hidup dengan subur-nya.

Di-samping usaha Jabatan Kebajikan itu nanti, beliau juga menyeru kepada ahli2 silat dan kuntau di-negeri ini supaya berusaha menghidupkan kebudayaan bangsa kita itu.

Mengenai pergerakan belia pula, beliau telah menyeto pergerakan sa-tengah2 persatuan yang tidak bergerak dengan aktif-nya.

Beliau mengingatkan bahawa persatuan2 itu tidak perlu memikirkan soal kuantiti persatuan, tetapi hendaklah di-utamakan soal2 kualiti-nya.

Beliau juga menyeru belia2 tanah ayer supaya berusaha dengan lebih giat lagi dalam bidang2 untuk meninggikan imej negara dan bangsa dan terus-menerus berusaha mengharumkan nama baik Brunei Darussalam yang kita menjadi raayat-nya.

Peluang melanjutkan pelajaran di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran sekarang sedang menawarkan biasiswa kepada chalu2, untuk melanjutkan pelajaran di-Politeknik Singapura, bagi tahun pengajian 1972/1973.

Hanya chalu2 yang terdiri dari raayat Brunei, yang mempunyai kelayakkan, yang sesuai akan di-pertimbangkan.

Kursus2 itu, ia-lah bagi mendapatkan sijil2, untuk Ahli Teknikal dan Latehan Pegawai2 Radio Marine dan Seamanship.

Chalu2, mesti-lah lulus Sijil Peperiksaan Pelajaran Malaysia atau sa-banding dengan-nya dan menda-



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh.

Pulis di-seru bersikap tegas pada menegakkan Undang2 Negeri

(Dari muka 1)

Beliau telah juga menyatakan kepada mereka akan tugas2 berat mereka dalam mempertahankan keamanan dan ketenteraman.

"Tanpa keadaan yang aman dan tenteram, maka kemajuan dan perkembangan sa-sabua negara itu tidak akan dapat di-usahakan dengan sempurna-nya", tegas beliau.

Dalam upacara itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja telah juga mengucapkan tahniah kepada rekrut yang terbaik sekali dalam segala lapangan latehan dan kepada rekrut2 yang lain yang telah mencapai markah yang tertinggi dalam jurusan masing2.

Terdahulu dari itu, Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu telah menerima tabek kehormatan dari perbarisan rekrut2 yang tamat latehan itu dan juga wakil2 dari bahagian2 pasukan Pulis Diraja Brunei dan pasukan Pencharagam-nya.

REKRUT TERBAIK

Rekrut yang terbaik sekali dalam segala lapangan latehan ia-lah Rekrut 970 Nordin bin

pat kelulusan paling baik dalam bahasa Inggeris, Ilmu Hisab Preliminary atau Additional, dan salah satu perkara, dalam mata pelajaran Sains.

Keutamaan, akan di-beri kepada chalu2, yang telah lulus dalam satu, atau lebih perkara mata pelajaran tambahan, seperti Geometry dan Teknikal Drawing, pertukangan besi, elektronik, pertukangan kayu, phisic dan pelan2 pembenaan.

Tarikh tutup menerima permohonan2, ia-lah tujuh hari, sa-telah keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, di-umumkan.

13 ORANG DI-LANTEK MENJADI ANGGOTA MAJLIS M.P.U.S.B.

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berkenan melantek sa-ramai 13 orang pegawai2 Kerajaan untuk menjadi anggota Majlis Maktab Perguruan Agama Seri Begawan.

Lantekan itu termasuk-lah sa-orang Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setia Usaha dan perkhidmatan anggota2 majlis itu telah mulai berjalan sejak 1 Februari yang baru lalu.

Lantekan itu telah di-siarkan melalui Warta Kerajaan yang di-terbitkan pada 26 Februari yang lepas.

Pengerusi bagi majlis itu ialah Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin, sementara naib-nya ia-lah Penguasa Pelajaran Ugama, Awang Yahya bin Haji Ibrahim. Setia Usaha bagi majlis itu ia-lah Malai Ahmad Murad bin Syed Mashhor.

Lain2 anggota dalam majlis itu ia-lah Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Dato Seri Utama Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Momin bin Pengiran Othman; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.

Yang Mulia Pengetua Maktab Perguruan Agama Seri Begawan, Tuan Haji Othman bin Bidin; Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Umar; Yang Mulia Awang Abdul Saman bin Kahar; Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; Yang Mulia Awg. Abdul Rahman bin Dato Setia Md. Taib; Yang Mulia Dy. Jusnani binte Lawie; dan Yang Mulia Awang Abdul Razak bin Mohammad.

Tengah yang menerima hadiah sa-batang tongkat.

Sijil2 telah di-hadiahkan kepada Rekrut 990 Lamit bin Haji Kunchang yang terbaik dalam bahagian Undang2 dan Tugas2 Pulis dan Rekrut 981 Mohammad bin Haji Ali Ahmad yang terbaik dalam Kawat dan Latehan Jasmani.

Kehadhiran Penasehat Umum D.Y.M.M. ka-upachara itu telah di-alu2kan oleh Pesuruhjaya Pulis, Dato Seri Pahlawan Awang J.R.H. Burn.

Ahli2 Jemaah Penasehat Haji

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan sukacita-nya melantek sembilan orang raayat Baginda untuk menjadi ahli dalam Jemaah Penasehat Haji Negeri Brunei bagi tahun 1972.

Jemaah itu di-Pengerusikan oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain dan Naib Pengerusi ia-lah Setia Usaha Hal-Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Metassan. Setia Usaha bagi jemaah itu ia-lah Awang Haji Kassim bin Haji Ahmad.

Sembilan orang yang menjadi ahli dalam jemaah itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Momin bin Pengiran Othman; Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Umar; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksmiana Dato Seri Utama Haji

Abd. Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohd. Taha.

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Limbang; Yang Mulia Pengiran Haji Abbas bin Pengiran Aliuddin; Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Taha bin Haji Bakir.

Yang Mulia Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim bin Akim; Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Indera Awang Jilly bin Ibrahim; dan, Yang Berhormat Haji Safawi bin Metassim.

Jualan lelong

DENGAN ini di-maklumkan bahawa jualan lelong barang2 emas yang tidak di-tabus akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu, 8hb. April, 1972, mulai jam 9.00 pagi.